

Bengkel Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (PBP) (*Student-Centered Learning*, SCL) SST

Artikel oleh: Fauziah Sulaiman

Bengkel Pembelajaran Berpusatkan pelajar (*Student Centered Learning*) telah diadakan pada 13 Ogos 2012 bertempat di Bilik Kuliah 2 Sekolah Sains dan Teknologi. Penceramah bagi bengkel ini ialah Dr Fauziah Sulaiman, seorang pensyarah dari Program Fizik dengan Elektronik yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan pengetahuan berkaitan SCL. Bengkel sehari ini bertujuan memberikan pemahaman dan pendedahan kepada para pensyarah SST dengan kaedah SCL. Bengkel ini juga telah memperkenalkan tentang bagaimana SCL boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta perbezaannya dengan pengajaran biasa (konvensional). Isu dan masalah yang mungkin timbul tentang pelaksanaannya juga turut dikupas. Di akhir bengkel tersebut penceramah mengharapkan agar pelaksanaan SCL akan mendapat sokongan pihak pengurusan dan pensyarah agar kaedah SCL dapat dilaksanakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di peringkat SST.